

JAGA KEINDAHAN SUNGAI

40 ahli Kewper turun padang bergotong-royong

KENANGAN...
peserta bergambar bersama Md Sohaimi (tengah) selepas tamat program.



CENDERAHATI... Khairul Rizal menyerahkan cenderahati dari Kewper kepada Md Sohaimi (kanan).

Oleh Samsudin Awang
am@hmetro.com.my

KESEDARAN terhadap pemeliharaan alam semula jadi, mendorong ahli Kelab Kebajikan dan Sukan Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Pahang (Kewper) mengadakan program membersihkan sekitar sungai di Kampung Kuala Kenau Sungai Lembing Kuantan.

Sungai Kenau yang menjadi tumpuan pelancong untuk berkelah, memancing dan berekreasi pada hujung minggu, dancam sampah sarap kerana lokasinya di lembah gunung, kerap dilanda banjir pada musim tengkujuh.

Gotong-royong itu melibatkan 40 ahli Kewper bersama 20 penduduk kampung.

Program sehari itu dirasmikan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Lembing, Datuk Md Sohaimi Mohamed Shah.

Md Sohaimi berkata, program seumpama itu bukan saja dapat mengekalkan keindahan alam semulajadi, malah memupuk masyarakat setempat ke arah kesedaran alam sekitar.

"Program itu berperanan sebagai kempen kepada penduduk dan agensi lain supaya dapat turun padang melaksanakan program alam sekitar," katanya.

Menurut Md Sohaimi, Sungai Kenau merupakan sungai utama yang membekalkan air minuman kepada penduduk sekitar Kuantan.

Sementara itu, Pengerusi Kewper, Khairul Rizal Ramli berkata, program berkenaan adalah yang pertama seumpamanya pernah dianjurkan kelab itu.

"Walaupun hasil yang diharapkan dari program ini untuk melihat Sungai Kenau sentiasa bersih dan indah, objektif Kewper adalah memupuk kesedaran pemeliharaan alam sekitar kepada masyarakat negara ini," katanya.



KERJASAMA... penduduk berkerjasama dengan ahli Kewper membersihkan sekitar tebing



BERSEMANGAT... ahli Kewper wanita turut bersemangat membakar sampah yang sudah dikumpulkan.